



Manuscript Title: Tarbiyah dan Politik: Penglibatan Muslimat dalam Usrah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di Negeri Pulau Pinang

Authors: Norhana Khaled

Accepted Date: 15-June-2023

Please cite this article as: Norhana Khaled. Tarbiyah dan politik: Penglibatan Muslimat dalam usrah Parti Islam Se-Malaysia (PAS) di negeri Pulau Pinang. *Kajian Malaysia* (Early view).

This is a provisional PDF file of an article that has undergone enhancements after acceptance, such as the addition of a cover page and metadata, and formatting for readability, but it is not yet the definitive version of record. This version will undergo additional copyediting, typesetting and review before it is published in its final form, but we are providing this version to give early visibility of the article.

Kajian Malaysia (Early view)

TARBIYAH DAN POLITIK: PENGLIBATAN MUSLIMAT DALAM USRAH PARTI ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) DI NEGERI PULAU PINANG

TARBIYAH AND POLITICS: MUSLIMAT INVOLVEMENT IN PARTY ISLAM SE-MALAYSIA (PAS) USRAH IN PENANG

Norhana Khaled*

Faculty of Law and International Relations (FUHA), Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu, MALAYSIA

Email: norhanakhaled@gmail.com; norhana.phd.2016@gmail.com

ABSTRACT

Research regarding women activism in political party, especially Parti Islam Se-Malaysia (PAS) has gained scholarly attention. However, existing literatures tend to focus on party official discourses and woman political involvements. This study aims to explore the experience of female members (known as Muslimat) in usrah activity and its effects on their political thought. It focuses on cadres' stories about the lived experienced they have gained through joining the usrah with specific reference to the female usrah group in Permatang Pauh area that represent the state of Penang. Using ethnographic approach, data were collected through in-depth interviews with 28 usrah members and 10 observations of the usrah sessions. The study concludes that the leaders of usrah succeeded in teaching official discourses, religious and political identity to Muslimat. Usrah causes Muslimat to believe that there is an influence of ghazwul fikri, the importance of following usrah that can build the strength of belief and stance in politics.

Keywords: usrah, PAS, tarbiya, Muslimat, politics

ABSTRAK

Kajian mengenai aktivisme wanita dalam parti politik, terutamanya Parti Islam Se-Malaysia (PAS) semakin mendapat perhatian sarjana. Namun demikian, literatur yang sedia ada cenderung untuk memberi tumpuan terhadap perspektif rasmi parti dan penglibatan wanita dalam politik. Kajian ini bertujuan mengupas

© Penerbit Universiti Sains Malaysia, 2023. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

aktiviti usrah wanita PAS (dikenali sebagai Muslimat) dan kesan-kesannya terhadap pemikiran politik mereka. Tumpuan khusus diberikan terhadap penceritaan pengalaman yang dilalui oleh Muslimat dalam usrah di kawasan Permatang Pauh bagi mewakili negeri Pulau Pinang. Pendekatan etnografi digunakan dengan data dikumpulkan melalui temu bual mendalam terhadap 28 orang ahli usrah dan 10 pemerhatian dalam sesi perjumpaan usrah. Kajian menyimpulkan bahawa ketua-ketua usrah berjaya mengajarkan perspektif rasmi, agama dan identiti politik kepada Muslimat. Usrah menyebabkan Muslimat percaya bahawa wujudnya pengaruh ghazwul fikri sehingga menyebabkan mereka perlu membina kekuatan akidah dan memberi kesan terhadap pendirian politik.

Kata kunci: usrah, PAS, tarbiyah, Muslimat, politik

PENGENALAN

Tarbiyah adalah sangat penting dalam Islam. Tarbiyah dalam Islam pula merangkumi pendidikan dan latihan yang bermula pada peringkat individu, keluarga dan masyarakat. Perkembangan tarbiyah yang berterusan telah membawa kepada penubuhan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). Sebagai sebuah gerakan Islam, PAS telah menjadikan Islam sebagai asas dalam perjuangan. Hal ini dapat dilihat secara jelas melalui Perlembagaan PAS 1973 (Fasal 2 (1)) dan Perlembagaan PAS 1977 (Fasal 3) yang mengisytiharkan dasar PAS ialah Islam. Perlembagaan PAS (Pindaan 2001) turut menekankan bahawa Islam sebagai dasar PAS. Justeru itu, setiap gerak kerja PAS adalah berpandukan al-Quran, al-Sunnah, ijmak ulama dan qias sebagai sumber hukum (Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS), 2011). PAS telah menjadikan tarbiyah sebagai komponen utama untuk melaksanakan Islam dengan aktiviti usrah dijadikan keutamaan.

Bagi mengkaji pelaksanaan usrah dalam PAS, kajian terhadap kumpulan usrah wanita yang lebih dikenali sebagai Muslimat telah dijalankan. Kumpulan usrah Muslimat dikelolakan oleh Dewan Muslimat PAS Malaysia (DMPM). Dewan Muslimat PAS Pusat (DMPP) merupakan struktur tertinggi dalam pentadbiran untuk wanita yang diikuti dengan Dewan Muslimat PAS Negeri (DMPN), Dewan Muslimat PAS Kawasan (DMPK) dan Dewan Muslimat PAS Cawangan (DMPC). DMPM ditubuhkan secara rasmi pada 3 Januari 1953 semasa Mesyuarat Agung Tahunan PAS Kali Pertama di Kepala Batas. Misi DMPM adalah untuk mendukung matlamat perjuangan PAS iaitu untuk membina masyarakat berakhlak dalam semua bidang dan mendokong Islam di samping melahirkan Muslimat yang berperanan sebagai da'ie atau pendakwah kepada masyarakat. Objektif penubuhannya adalah “untuk tenaga Muslimat dalam

negara ini bagi meluaskan pengaruhnya dalam kalangan wanita Islam melalui kegiatan-kegiatan Muslimat sambil membentuk keperibadian mereka menjadi Muslimat yang bertanggungjawab kepada agama dan negara serta meyakinkan mereka dengan cita-cita Islam yang diperjuangkan PAS” (Zaireeni, 2020).

Kajian ini bertujuan untuk mengupas penglibatan Muslimat dalam aktiviti usrah dan kesan-kesannya terhadap pemikiran politik mereka. Artikel ini dimulakan dengan memperkenalkan metodologi kajian secara ringkas. Seterusnya, kajian meneliti latar belakang tarbiyah dan usrah dalam PAS. Kajian diteruskan dengan menganalisis permulaan penglibatan Muslimat dalam kumpulan usrah di kawasan Permatang Pauh. Pada bahagian akhir, analisis terhadap kesan Muslimat menghadiri usrah telah dibuat.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berasaskan pendekatan etnografi. Kaedah kualitatif telah digunakan untuk mengumpulkan data dengan temu bual mendalam dan pemerhatian turut serta telah dibuat. Pengkaji menjalankan temu bual melibatkan sejumlah dua puluh lapan orang informan. Seramai dua belas informan merupakan ketua dalam usrah yang terdiri daripada lima orang *murabbi* (ketua lelaki) dan tujuh orang *murabbiah* (ketua perempuan) telah ditemu bual. Selebihnya, seramai enam belas orang informan merupakan ahli-ahli usrah yang terdiri daripada seorang *mutarabbi* (ahli lelaki) dan lima belas orang informan *mutarabbiah* (ahli perempuan).

Kajian lapangan dijalankan di kawasan Permatang Pauh untuk mewakili negeri Pulau Pinang bermula pada Januari 2017 sehingga Januari 2019. Pengkaji telah menghadiri sebanyak 10 sesi usrah selepas seorang pimpinan Muslimat berjaya dikenalpasti dan didekati. Beliau tinggal di kawasan kejiranan ini dan menjadi individu yang bertanggungjawab membawa pengkaji menyertai usrah pertama kalinya. Pengkaji turut memilih kawasan Permatang Pauh kerana sering menjadi tumpuan semasa pilihan raya. Kawasan ini juga kerap mengadakan program-program parti kerana ramai ahlinya menetap di sini. Selain itu, majoriti informan utama yang telah dikenalpasti tinggal di kawasan ini sehingga memudahkan pengkaji mendapatkan data (Ustazah An-Nisa, 14 Oktober 2017).

Sepanjang menghadiri sesi usrah, pengkaji melakukan pemerhatian terhadap *murabbiah* yang mengadakan pembelajaran dengan penerimaan dan pelaksanaannya oleh *mutarabbiah* turut menjadi tumpuan. Sepanjang kajian lapangan dijalankan, pengkaji juga menghadiri pelbagai aktiviti tarbiyah lain seperti *liqo' fikri* (perbincangan berkumpulan), *qiamullail* (berjaga malam),

muktamar (mesyuarat tahunan) dan *rehlah* (lawatan). Pengkaji juga sering memenuhi undangan untuk berbuka puasa bersama-sama, menghadiri majlis perkahwinan dan melawat *mutarabbiah* yang baru melahirkan anak. Semua undangan ini dipenuhi bagi membolehkan pengkaji membina hubungan yang lebih baik dan memahami latar belakang *mutarabbiah*.

WANITA DAN HIDUP BERAGAMA

Pengalaman hidup Muslimat dalam usrah akan dijelaskan dengan menggunakan konsep hidup beragama. Konsep hidup beragama dapat dikaitkan dengan pengalaman wanita terlibat dalam program keagamaan seperti usrah yang dibentuk oleh pemimpin-pemimpin elit PAS dan mempunyai agenda politik. Oleh itu, hujah utama dalam kajian ini ialah pengalaman hidup Muslimat sering diabaikan dalam kajian-kajian sebelumnya. Berdasarkan penelitian terhadap literatur gerakan Islam kontemporari, pengkaji melihat wujud kepentingan untuk menyeimbangkan perspektif rasmi tentang tarbiyah dengan mengkaji pengalaman hidup tidak rasmi ahli-ahlinya. Tujuan kajian ini adalah untuk memberi gambaran yang lebih seimbang dan lengkap tentang PAS di Malaysia dari perspektif Muslimat yang terlibat dalam usrah.

Berdasarkan kajian lepas, kajian mengenai hidup beragama dalam kehidupan harian dapat dilihat melalui penelitian Ammerman (2014) dan McGuire (2008). Namun demikian, kajian yang dijalankan oleh mereka tidak memberi tumpuan terhadap masyarakat Muslim. Bagi Ammerman (2014), mengkaji persepsi ahli-ahli dalam organisasi adalah bertujuan untuk mendengar pengalaman harian mereka. Beliau menyatakan bahawa kajian terhadap amalan harian bermaksud memberikan tumpuan istimewa terhadap “pengalaman bukan pakar” (Ammerman, 2007:5). Tambahan pula, perspektif hidup beragama membantu pengkaji untuk membina kefahaman tentang sifat pelbagai lapisan gerakan agama dan realiti kehidupan harian ahli-ahlinya (Ammerman, 2014). Selaras dengan hujah Ammerman (2014), Berglund (2014) yang menjalankan kajian mengenai Muslim di Eropah menekankan bahawa perspektif rasmi yang mewakili gerakan Islam sebagai sebuah institusi monolitik yang stereotaip dengan semua individu yang terlibat dalam gerakan tersebut mempunyai perspektif dan sikap yang sama.

Bagi McGuire (2008), hidup beragama ialah “agama yang ditunjukkan dan dilalui dalam kehidupan individu” (McGuire, 2008:3). Beliau mencadangkan cara untuk melihat agama dalam kehidupan harian adalah dengan memfokuskan kepada aspek keagamaan individu. Beliau ingin membuat perbezaan antara “pengalaman sebenar orang yang beragama daripada agama yang ditetapkan berdasarkan kepercayaan dan amalan yang ditakrifkan oleh institusi” dengan memberikan

tumpuan pada agama dari segi “amalan, pengalaman dan luahkan oleh orang biasa” (McGuire, 2008:12). Ammerman dan McGuire menjelaskan bahawa hidup beragama secara khususnya adalah bentuk agama dan kerohanian yang berlaku dalam kehidupan harian. Dengan mengambil kira pengalaman wanita, McGuire berpendapat bahawa keagamaan dan identiti diri jantina boleh dinyatakan dan diubah dengan melakukan sesuatu amalan yang melibatkan minda, tubuh dan roh secara berterusan. Beliau berpendapat bahawa “amalan yang digerakkan oleh tubuh dan melibatkan jantina secara sosialnya akan dibangunkan, dikekalkan, dan diubah di sepanjang kehidupan” (McGuire, 2008:182).

Oleh yang demikian, peranan dan identiti jantina dalam masyarakat sebahagian besarnya dihasilkan menerusi penggubalan norma melalui amalan yang dilakukan tubuh. Amalan ini ditakrifkan dengan menghasilkan kehidupan harian yang dapat diterima akal dan pada masa yang sama menyumbang kepada penghasilan identiti dan rasa kebersamaan dalam diri orang ramai (McGuire, 2008:46). Kumpulan-kumpulan agama moden menggariskan agar ahli-ahlinya komited dalam mengembangkan diri yang baru melalui cara-cara yang dirasakan berkait: “semua kumpulan agama menggalakkan langkah-langkah transformasi diri ke arah cita-cita rohani atau pembentukan kerohanian yang ideal” (McGuire, 2008:172). Sebagai contoh, gerakan meletakkan syarat agar ahli-ahlinya memakai pakaian seragam, meminta ahli-ahli melakukan gerak isyarat tertentu dan sebagainya untuk mengurangkan identiti diri yang lama atau membina identiti baru.

McGuire (2008) berpendapat bahawa pengalaman, pertuturan dan amalan agama individu adalah kompleks dan dinamik. Schielke dan Debevec (2012) pula menyatakan bahawa ‘amalan harian agama mempunyai pelbagai ragam, tidak menentu, dan selalunya tidak selaras’. McGuire (2008:12) merasakan bahawa ‘pada tahap individu, agama adalah tidak tetap, bersatu, atau koheren. Oleh itu, adalah mustahil bagi pengkaji untuk memahami agama dan identiti individu yang menjadi ahli dalam sesebuah organisasi hanya dengan mengkaji pandangan rasmi organisasi. Oleh yang demikian, wujud cabaran untuk menerangkan bagaimana individu dan kumpulan sosial memahami kerumitan kehidupan harian, kepentingan kepercayaan agama dan amalannya dalam keadaan dan konteks yang berbeza (Hunt, 2014).

Kajian tentang gerakan wanita di masjid yang dijalankan oleh Mahmood (2005) di Mesir menyatakan bahawa menjadi soleh bermaksud berpegang kepada norma-norma agama terutamanya melalui pelaksanaan ibadah, memberi perhatian terhadap pemakaian Islam dan cara-cara lain dalam mengamalkan identiti Muslim. Pandangan ini berbeza dengan kajian yang dijalankan oleh McGuire (2008) yang memberi tumpuan terhadap wanita di Barat, pembentukan hidup beragama dan kerohanian yang lebih individualistik serta mempunyai jarak

tertentu daripada agama. Kajian yang dilakukan oleh Mahmood (2005) lebih memberikan tumpuan terhadap hubungan antara kesolehan yang terkini dan terkemudian dalam konteks masyarakat Muslim khususnya gerakan wanita di masjid, di Mesir. Wanita dalam kajian Mahmood (2005) menunjukkan usaha untuk mengubah diri mereka dengan memakai pakaian yang lebih sopan dan menutup aurat dengan lebih baik, menunaikan solat dengan lebih kerap, dan menghadiri semua sesi keagamaan bagi wanita di masjid. Mereka digesa untuk mematuhi ajaran al-Quran dan bertindak selaras dengan kehendak Allah S.W.T. Menurut wanita ini, pelaksanaan tingkah laku ritual merupakan salah satu daripada kesinambungan amalan yang menjadi keperluan untuk menjadi soleh. Oleh itu, mendisiplinkan dan melatih diri mereka melalui amalan harian dianggap sebagai cara paling berkesan untuk mengubah identiti diri. Kajian etnografi yang dilakukan oleh Mahmood (2005) terhadap kehidupan wanita yang soleh dengan orientasi Salafi di Mesir adalah lebih dekat dengan Muslimat dalam PAS berbanding kajian yang dijalankan oleh McGuire (2008).

LATAR BELAKANG TARBIYAH DAN GERAKAN USRAH PAS

Tarbiyah di Tanah Melayu telah wujud sejak penghujung tahun 1940an apabila pelajar-pelajar Melayu menyambung pengajian di Timur Tengah khususnya Mesir (Shiozaki, 2015). Pelajar-pelajar Melayu ini telah mengikuti kuliah-kuliah yang diadakan oleh pemimpin-pemimpin gerakan Ikhwanul Muslimin (IM) seperti Hassan al-Banna dan Sayyid Qutb. Pengaruh ideologi yang disampaikan ini telah meresap ke dalam pemikiran mereka sehingga timbulnya kesedaran untuk mewujudkan sebuah gerakan Islam di Tanah Melayu bagi menentang penjajahan dan pemerintahan yang dianggap sekular serta menyokong Barat. Oleh itu, sebuah gerakan yang terdiri daripada pemimpin-pemimpin Melayu dan sebilangan ulamak yang tidak berpuas hati dengan UMNO telah mengadakan perjumpaan untuk mewujudkan sebuah organisasi.

Pada 24 November 1951, Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) telah ditubuhkan di Kepala Batas, Pulau Pinang (Farish, 2014:40). Penubuhan PAS teretus di Pulau Pinang disebabkan negeri ini mengalami perkembangan tarbiyah yang pesat menerusi sekolah pondok dan madrasah yang dikelolakan oleh tokoh-tokoh ulamak terkemuka. Pada ketika ini, pembelajaran agama secara berkumpulan telah wujud dan dikenali sebagai usrah. Namun demikian, perkembangan PAS di Pulau Pinang mengalami kemerosotan pada lewat tahun 1960an lalu beralih ke negeri-negeri di Pantai Timur khususnya Kelantan.

Perkembangan sistem pendidikan agama yang pesat di negeri Kelantan membolehkan PAS mendapat sambutan di negeri ini. Di bawah kepimpinan

Mohd Asri, PAS di Kelantan terus berkembang pada tahun 1970an. Pada tahun 1972, PAS telah membina kerjasama dengan kerajaan persekutuan melalui Perikatan dan Barisan Nasional pada tahun 1974. Kerjasama antara PAS dengan BN pada tahun 1977 akhirnya terputus. PAS mengalami kekalahan besar dalam pilihan raya umum yang diadakan pada 11 Mac 1978 sehingga menyebabkan negeri Kelantan yang yang ditadbir selama 18 tahun jatuh ke tangan BN (Dewan Ulamak PAS Pusat, 2009).

Kegagalan menguasai negeri Kelantan telah memberikan kesan terhadap psikologi dan melemahkan gerak kerja seluruh ahli PAS. Bagi menangani kelemahan ini, sebuah gerakan yang diketuai oleh sekumpulan ulamak diwujudkan dengan tujuan untuk menjatuhkan kepimpinan Mohd Asri. Gerakan ini dimulakan dengan menjadikan usrah sebagai medium untuk menyampaikan wacana pemikiran mereka, mendengar dan menyatukan rintihan ahli-ahli di peringkat akar umbi. Usrah terus berkembang dan agenda untuk menggulingkan Mohd Asri diteruskan tanpa disedarinya (Riduan, 2015).

Penentangan yang diketuai oleh kumpulan ulamak dan disokong oleh majoriti ahli terhadap kepimpinan Mohd Asri mencapai kemuncak ketika Muktamar PAS ke-28 pada Oktober 1982 yang memaksa beliau meletakkan jawatan (Farish, 2003:203). Yusof Rawa telah dilantik memangku jawatan Yang DiPertua Agung PAS pada tahun 1982 dan menjadi Yang DiPertua Agung PAS keempat pada 29 April 1983 dalam Muktamar PAS ke-29 (Farish, 2004). Sekaligus, menjadi titik permulaan kepimpinan berasaskan ulamak. Era kepimpinan ulamak menandakan bermulanya era pentarbiyahan baru dengan sebuah silibus tarbiyah dan usrah yang lebih tersusun telah diterbitkan. Kepimpinan ulamak telah mengubah aktivisme parti kepada bentuk yang lebih radikal dan diteruskan oleh pemimpin-pemimpin seterusnya sehingga menarik lebih ramai aktivis wanita Melayu (Farish, 2003).

TARBIYAH, USRAH DAN PENGARUHNYA TERHADAP MUSLIMAT

Hassan Al-Banna yang menjadi pengasas kepada gerakan Ikhwanul Muslimin di Mesir telah memperkenalkan sebuah sistem pendidikan yang dikenali sebagai tarbiyah. Tarbiyah mampu membina kesedaran agama dan kekuatan dalaman ahli-ahli gerakan. Bagi membolehkan tarbiyah dilaksanakan dengan berkesan, sistem usrah telah diwujudkan dan menjadi keutamaan dalam jemaah. Sistem usrah diberi penekanan kerana mampu membentuk pemikiran, memperbetulkan kefahaman dan membina individu Muslim yang berkualiti. Kekerapan menghadiri usrah mampu melahirkan tahap kesetiaan, rasa sayang dan rasa ingin bekerja yang tinggi terhadap gerakan. Hal ini terbukti apabila Muslimat yang

kerap menghadiri usrah menunjukkan tahap penglibatan yang aktif dalam aktiviti-aktiviti parti. Muslimat yang sering menghadiri usrah kerap hadir dalam aktiviti-aktiviti politik menjelang pilihan raya seperti ceramah, berkempen, mencula dan merayu undi, mengemaskini data dan lain-lain. Oleh itu, tarbiyah adalah penting untuk meningkatkan kesetiaan Muslimat terhadap parti.

Perkataan tarbiyah berasal daripada kata '*raba yarbu*' dalam bahasa Arab yang bermaksud pendidikan dan pengasuh. Dari segi istilah, tarbiyah memberi makna suatu cara terbaik (ideal) dalam berinteraksi dengan fitrah manusia secara langsung (berupa kata-kata) mahupun secara tidak langsung (berupa keteladanan, sesuai dengan sistem dan jalan yang khusus) untuk mengubah manusia menjadi seseorang yang lebih baik. Tarbiyah Islamiyah merupakan usaha untuk menyempurnakan akhlak yang dapat menjadikan manusia hidup di dunia dalam keadaan baik dan mendapat keredhaan Allah. Tarbiyah merupakan pendidikan yang berlanjutan dalam jangka panjang, berlaku secara bertahap dan berterusan dalam kehidupan manusia. Bagi mencapai proses ini, Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat telah menyusun program-program tarbiyah yang terdiri daripada usrah, *tamrin* (latihan), *ta'alim* (majlis ilmu), *liqo' fikri*, *mukhayyam* (jambori), *rehlah*, dan *qiamullail* (Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, 2015). Meskipun program-program tarbiyah telah ditetapkan, hanya usrah yang sering diberi penekanan oleh pimpinan.

Perkataan usrah berasal daripada bahasa Arab yang bermaksud keluarga. Dari segi istilah, usrah bermaksud kumpulan individu Muslim yang beriman kepada Allah lalu berusaha untuk membina *fikrah* (pemikiran) Islam dalam diri dan membina peribadi Muslim. Ahli-ahli usrah berusaha untuk saling membantu sesama mereka dalam memahami ajaran Islam dan bertanggungjawab menyeru manusia lain untuk mengabdikan diri hanya kepada Allah (Idris, 2014). Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, usrah menyebabkan hubungan persaudaraan (*ukhuwah*) dalam kalangan ahli menjadi erat sehingga mewujudkan rasa keterikatan antara ahli dengan ahli dan ahli dengan parti. Hal ini menyebabkan setiap ahli menghadiri usrah secara konsisten. Mereka juga akan berusaha untuk memperkuat akidah dan meningkatkan amal soleh, malahan, peranan mereka sebagai isteri dan ibu juga sering diberi penekanan kerana mereka merupakan pendidik utama untuk pembinaan keluarga dan masyarakat Muslim.

PENGLIBATAN MUSLIMAT DALAM USRAH

Jaringan sosial memainkan peranan penting dalam merekrut gerakan sosial (Wiktorowicz, 2001:133). Jaringan sosial biasanya dibina melalui hubungan

persaudaraan dan hubungan peribadi dalam kalangan *mutarabbiah*. Hubungan peribadi yang wujud lebih awal menjadikan *mutarabbiah* lebih mudah untuk menarik individu lain menyertainya. Ahli keluarga, rakan-rakan, dan anggota masyarakat yang tinggal di kawasan kejiranan yang sama, dianggap mampu membina hubungan peribadi. Pengkaji juga mendapati ahli-ahli baru yang berpotensi menjadi kader kerap diajak untuk menyertai usrah oleh individu terdekat yang terdiri daripada ahli keluarga dan rakan-rakan. Seorang ahli usrah menyatakan campur tangan ahli keluarga atau rakan-rakan yang telah menyertai usrah menjadi sebab kepada penglibatan dalam usrah seterusnya dikaderkan menjadi ahli PAS. Pada peringkat awalnya, beliau menyertai aktiviti riadah yang dianjurkan oleh sebuah pertubuhan yang dikenali sebagai Nusaibah¹. Ketika itu, beliau yang berusia 18 tahun dan berada di tingkatan enam mula terlibat dalam usrah setelah diajak oleh rakan sekelas yang turut mengikut program tersebut. Menurut beliau:

Masa sekolah tunggu keputusan STPM. Masa tu *join* program riadah, *hiking*. Mula-mula tu suka-suka sebab jumpa kawan baru masa di program. Dari situ la kami jadi rapat, dia selalu la ajak saya ikut usrah. Kami selalu hadir sama-sama (Khaulah, 5 September 2017).

Seorang informan yang berasal daripada Perak dan menyambung pengajian Ijazah Sarjana Muda di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Permatang Pauh menyatakan abangnya yang pernah menyambung pengajian di tempat yang sama telah memujuknya untuk menghadiri usrah. Selepas tamat pengajian, beliau memutuskan untuk menetap di Pulau Pinang dan bekerja sebagai guru PASTI. Menurut informan ini:

Mulanya, Along yang pujuk pergi program-program Muslimat. Pernah saya hadir program yang lebih mendalam mengandungi ilmu agama, ayat-ayat al-quran terpilih, sejarah dan asal usul gerakan Islam selama empat hari. Sebelum hadir program, saya diwajibkan hafal surah tema, surah As-Saff. Lepas hadir program ini, saya belum pernah tinggal usrah (Amna, 28 Oktober 2017).

Pengkaji berpendapat bahawa informan ini sedang melalui fasa indoktrinasi yang bertujuan untuk menguji kecenderungan dan penglibatannya. Walaupun penjelasan informan ini menunjukkan keputusan untuk menyertai usrah datang secara beransur-ansur sehingga beliau dikaderkan menjadi ahli PAS, tetapi indoktrinasi selama empat hari yang dihidungnya jelas menunjukkan pengaruh yang kuat. Latihan dan pengalaman ini membuatkan beliau sedar tentang kepentingan untuk terlibat dalam gerakan Islam dan kelebihan yang diperolehi selepas menyertainya. Pengalaman informan ini turut dinyatakan dalam kajian Snow, Zurcher dan Ekland-Olson (1980) bahawa “seseorang itu jarang menyertai

gerakan atas pertimbangannya sendirian, melainkan mereka menyertai aktiviti-aktiviti yang diadakan gerakan dan beransur-ansur memilih untuk menjadi ahli gerakan” (Snow et al., 1980:795).

Pengkaji juga mendapati perkahwinan Muslimat dengan ahli PAS mempengaruhi penglibatan, penerimaan ideologi dan perspektif yang disampaikan dalam usrah. Sebagai contoh, seorang informan menyatakan beliau didorong untuk menyertai usrah oleh suaminya yang merupakan ahli PAS dan mengikuti usrah sejak sebelum mereka berkahwin lagi, malahan, keluarga mertuanya juga telah terlibat secara aktif dengan PAS dalam tempoh yang lama. Hasil temu bual menunjukkan bahawa penglibatan Muslimat dengan usrah tidak hanya didorong oleh pilihan mereka secara bebas, sebaliknya, dipengaruhi oleh galakan dan nasihat daripada suami mereka. Galakan dan nasihat yang datang daripada suami menjadikan isteri sukar untuk menolak, terutamanya apabila mereka yang mempunyai latar belakang berpendidikan rendah, akses ekonomi yang terhad, dan berasal daripada kawasan luar bandar yang kuat dipengaruhi oleh pemikiran konservatif. Keterhadan ini menyebabkan suami mempunyai kuasa yang lebih dominan dan isteri perlu taat mengikut arahan suami, terutamanya dalam hal-hal agama.

Pemerhatian juga mendapati ibu bapa akan mengadakan usrah dalam keluarga sehingga membolehkan ideologi dalam usrah dipindahkan kepada anak-anak yang terdiri daripada ahli usrah dengan mudah. Mereka menjadikan Islam sebagai topik umum untuk dibualkan dalam kehidupan. Sebagai contoh, Islam dijadikan perbincangan semasa ahli keluarga berkumpul di rumah, semasa lapang dan ketika makan malam. Perbualan tentang isu-isu agama yang disulami dengan isu-isu semasa dan politik menjadikan mereka lebih berpengetahuan dan terdorong untuk menyertai usrah.

KUMPULAN USRAH MUSLIMAT DI KAWASAN PERMATANG PAUH

Sesi usrah ialah perjumpaan sebuah kumpulan latihan kecil yang terdiri daripada ketua dan beberapa orang ahli yang berada dalam bentuk bulatan. Sepanjang kajian dilakukan, istilah *nuqaba'* yang bermaksud seseorang yang mengurus dan mengendalikan urusan masyarakat sering digunakan untuk merujuk kepada ketua usrah. *Nuqaba'* terdiri daripada *naqib* (ketua lelaki) dan *naqibah* (ketua perempuan). Namun demikian, istilah *murabbi* (pendidik lelaki) atau *murabbiah* (pendidik perempuan) yang bermaksud pendidik yang bertindak mendidik rohani, jasmani, fizikal dan mental pelajar-pelajarnya untuk menghayati dan mengamalkan ilmu yang dipelajari mereka lebih sesuai digunakan. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan istilah *murabbi* atau *murabbiah* untuk merujuk kepada ketua. Ahli-ahli yang menjadi pelatih dalam usrah digelar sebagai

mutarabbi (ahli lelaki) atau *mutarabbiah* (ahli perempuan). Usrah diadakan secara terpisah antara jantina lelaki dan perempuan.

Pengkaji juga mendapati usrah akan diadakan mengikut peringkat secara berbeza-beza. Terdapat empat peringkat pelaksanaan iaitu pusat, negeri, kawasan dan cawangan. Temu bual dengan *murabbi* mendedahkan bahawa usrah diadakan mengikut kawasan tertentu dengan semua ahli PAS digalakkan untuk menghadiri usrah di kawasan berdekatan dengan tempat tinggal masing-masing bagi memudahkan pergerakan. Bagi kawasan yang tidak dapat diadakan usrah, maka, mereka boleh menghadiri usrah di kawasan-kawasan yang berhampiran. Perjumpaan usrah diadakan setiap dua minggu sekali. Kebiasaannya perjumpaan akan diadakan pada hujung minggu kerana majoriti *mutarabbiah* terdiri daripada wanita muda yang bekerja. Perjumpaan usrah sering diadakan pada hari Sabtu sekitar jam 10.00 pagi atas permintaan *mutarabbiah*. Pengkaji juga difahamkan bahawa *murabbiah* akan mengelak untuk mengadakan usrah pada waktu malam atas faktor keselamatan. Perjumpaan biasanya akan diadakan di rumah *murabbiah* selama satu jam tetapi sering berlarutan lebih lama.

Berdasarkan buku Panduan Usrah yang ditulis oleh Idris Ahmad (2014), bilangan ahli usrah perlu terdiri daripada tiga sehingga 12 orang dan diketuai oleh seorang ketua. Bilangan ahli usrah perlu terdiri daripada jumlah yang kecil dan tidak digalakkan melebihi 12 orang bagi membolehkan pembelajaran yang intensif dan indoktrinasi pemikiran dapat dijalankan dengan baik. Walau bagaimanapun, realiti pelaksanaan usrah adalah berbeza kerana bilangan ahli yang hadir di setiap sesi usrah adalah ramai tetapi bilangan *murabbi* dan *murabbiah* adalah sedikit. Kekurangan ini menyebabkan usrah yang diadakan perlu menghimpunkan ramai ahli dalam setiap sesi. Temu bual bersama beberapa orang ketua usrah mengatakan bahawa bilangan ahli yang menghadiri usrah dalam setiap kumpulan selalunya melebihi 20 orang dan pernah mencecah sehingga hampir 40 orang dalam setiap satu sesi. Bilangan ahli usrah yang terlalu ramai dalam sesebuah perjumpaan boleh menjejaskan keberkesanan proses pembelajaran.

Seorang *murabbiah* mengakui bahawa bilangan ahli usrah yang sedikit memudahkan usrah yang berkesan dihasilkan, malahan memudahkan ketua untuk mengenali pola pemikiran ahli-ahlinya. Beliau juga menyatakan bahawa pertembungan antara usrah dengan program-program parti yang lain mampu membuatkan bilangan kehadiran ahli berkurangan. *Murabbiah* ini berpendapat:

Ahli kita kan dia ada berbagai *type* tau, kategori dia. Ada yang memang suka usrah tapi tak mau buat kerja sebab usrah dia anggap macam majlis ilmu yang kerja-kerja ni bagi dia orang lain boleh buat. Itu bukan kepakaran dia. Dia memang nak cari ilmu dalam usrah. Satu. Ada jugak *type* yang memang nak buat kerja tak minat usrah.

Yang tu pun ada. Jadi, bergantung, kalau berlaku pertembungan antara program yang mereka suka dengan usrah, bergantung kepada mereka nak pergi mana. Tapi Muslimat majoriti suka datang usrah (Ustazah An-Nisa, 14 Oktober 2017).

Beliau menyimpulkan bahawa terdapat ahli yang gemar dan tidak gemar menghadiri usrah. Apabila berlaku pertembungan antara minat dan keperluan, mereka akan memilih untuk menghadiri program yang disukai. Bagi seorang *murabbiah* yang terlibat pada peringkat yang lebih tinggi, beliau berpendapat Muslimat gemar menghadiri usrah tetapi, sekadar menjadi pendengar. Beliau menyatakan:

Muslimat ramai yang suka hadir usrah untuk cari ilmu. Tapi suka jadi pendengar saja (Ustazah Wahibah Tahir, 5 September 2017).

Sepanjang pemerhatian, pengkaji telah dibawa oleh informan yang lebih tua dan berpengalaman untuk menghadiri kumpulan usrah yang terdiri daripada *mutarabbiah* yang tinggal di kawasan Permatang Pauh dan sekitar negeri Pulau Pinang. Usrah pertama yang dihadiri oleh pengkaji terdiri daripada tiga puluh orang *mutarabbiah* yang berusia sekitar awal 20an sehingga lewat 60an. Namun demikian, bilangan kehadiran ahli-ahli usrah adalah berbeza-beza bagi setiap sesi. Sejak menghadiri sesi usrah yang pertama, pengkaji mendapati sejumlah tiga puluh orang *mutarabbiah* hadir tetapi hanya kira-kira dua puluh lima orang ahli yang hadir secara konsisten dalam setiap usrah, manakala selebihnya berubah-ubah kerana kemasukan ahli-ahli baru yang berbeza-beza. Kumpulan usrah pada peringkat awal terdiri daripada dua puluh enam orang Muslimat yang telah berkahwin dan mempunyai anak-anak, manakala empat orang Muslimat masih belum berkahwin. Seramai dua belas orang Muslimat bekerja, lima belas orang suri rumah, dan tiga orang pelajar universiti. Semua *mutarabbiah* bertemu dalam perjumpaan usrah yang diadakan di rumah *murabbiah*. Majoriti *mutarabbiah* hadir dengan kereta, manakala *mutarabbiah* yang masih bujang hadir dengan motosikal.

Semua *mutarabbiah* yang hadir memakai tudung labuh dan kebanyakannya memakai jubah berwarna hitam atau gelap. Terdapat juga *mutarabbiah* yang memakai blaus berwarna gelap dipadankan dengan skirt labuh. Semua mereka memakai pakaian yang mematuhi etika berpakaian dalam syaria Islam. Sepanjang pemerhatian juga, pengkaji mendapati *mutarabbiah* jarang memakai seluar panjang meskipun segelintir daripada mereka merupakan wanita bujang yang mengenderai motosikal. Mereka juga dilihat tidak langsung memakai solekan di muka atau mengenakan tudung dengan fesyen terkini.

Majoriti *mutarabbiah* yang ditemui oleh pengkaji mendakwa mereka pernah menghadiri usrah sama ada ketika menuntut di institusi pengajian tinggi atau di kawasan berhampiran kediaman masing-masing. Oleh itu, majoriti mereka mempunyai pengetahuan dan pernah terlibat secara aktif dalam usrah PAS sebelum menyertai usrah di Pulau Pinang. Kebanyakan daripada ahli juga menyertai usrah setelah dicadangkan oleh ketua atau ahli-ahli PAS yang lebih berpengalaman. Sepanjang usrah dijalankan juga, *murabbiah* berperanan penting untuk mengenali dan mengenal pasti *mutarabbiah* yang berpotensi untuk dijadikan pelapis bagi menghidupkan usrah di kawasan-kawasan lain. Oleh itu, *murabbiah* yang berwibawa amat diperlukan sepanjang proses ini.

Pada peringkat kawasan, semua ahli masih dikehendaki untuk mempelajari topik-topik asas dalam Islam walaupun majoriti *mutarabbiah* mempunyai pengetahuan dan pengalaman menyertai usrah. Topik-topik asas seperti pengenalan terhadap usrah, *aqidah*, *ibadah* dan *syahadah* masih menjadi topik utama perbincangan kerana mereka dianggap masih baru, mempunyai kefahaman tentang Islam yang sederhana dan perlu diperingati secara berulang-ulang. Pembelajaran dilakukan dalam bahasa Melayu. Ketika menghadiri usrah di beberapa kawasan di negeri Pulau Pinang, pengkaji mendapati bahawa semua sesi perjumpaan ini akan dimulakan dengan bacaan ayat-ayat al-Quran oleh *mutarabbiah* yang telah dipilih lebih awal. Ketika ini, *mutarabbiah* sedang duduk di atas lantai dengan beralaskan karpet sambil berdiam diri. Seorang *mutarabbiah* ditugaskan menjadi pengerusi majlis dan seorang lagi *mutarabbiah* dijemput untuk membentangkan sebuah tajuk kecil. Selepas tamat perbentangan, *murabbiah* akan mengulas dengan lebih mendalam tentang topik pada hari tersebut. Selanjutnya, *murabbiah* akan mengaitkan topik yang dibentangkan dengan kehidupan harian dengan memberikan contoh-contoh yang praktikal. *Murabbiah* akan berusaha untuk menjelaskan topik tersebut dengan menggunakan bahasa paling ringkas dan mudah difahami. Sesi soal menyoal akan dibuka apabila ketua tamat membentangkan sebuah topik kecil. Sesekali *murabbiah* akan meminta *mutarabbiah* untuk menambah atau mengulas topik tersebut. Namun demikian, *murabbiah* akan melanjutkan ulasan apabila *mutarabbiah* tidak memberikan respon. Suasana serius berkekalan sepanjang sesi perbincangan dengan sese kali pertanyaan diajukan oleh *mutarabbiah* apabila sesi soal jawab dibuka.

Namun demikian, pengkaji mendapati suasana senyap dan serius dalam setiap kumpulan usrah hanya muncul apabila *mutarabbiah* tidak membawa anak-anak bersama-sama mereka. Kebanyakan daripada perjumpaan yang disertai pengkaji dihadiri oleh kanak-kanak yang bermain dengan aktif, menangis dan menjerit. Pengkaji mendapati *murabbiah* tetap meneruskan usrah dengan tenang meskipun suasana bising. Kanak-kanak yang menangis akan dibawa keluar seketika oleh ibunya untuk ditenangkan dan mengelak daripada mengganggu sesi perbincangan.

Muslimat juga dibenarkan untuk membawa anak masing-masing bagi membolehkan mereka memenuhi tanggungjawab sebagai ibu dan mengikuti perbincangan dengan selesa. Temu bual pengkaji dengan *murabbiah* mendapati Muslimat dan Muslimin mempunyai tanggungjawab yang sama dalam menghadiri usrah, tetapi, Muslimat cenderung untuk membawa anak-anak bersama-sama ketika menghadiri usrah memandangkan tugas menjaga anak-anak menjadi tanggungjawab seorang ibu. *Murabbiah* juga menambah bahawa parti menggalakkan Muslimat untuk membawa anak-anak bersama-sama supaya komitmen terhadap parti tidak menjadi halangan terhadap tanggungjawab sebagai ibu. Suasana yang kondusif dalam usrah diharap dapat menyeimbangkan peranan Muslimat sebagai ibu dan ahli yang komited terhadap parti Islam.

Selain itu, usrah pada peringkat negeri, kawasan dan cawangan sering diadakan secara serentak menyebabkan berlakunya pertindihan aktiviti. Pertindihan aktiviti dan kekangan menghadiri usrah menjadi lebih kerap bagi ahli-ahli yang menjawat jawatan di setiap peringkat yang mewajibkan mereka hadir setiap sesi usrah. Bagi ahli yang dilantik untuk menjadi *murabbiah*, tanggungjawab ini mampu memberikan tekanan. Temu bual dengan Muslimat yang menyandang jawatan tinggi di beberapa peringkat menyatakan bahawa:

Macam saya, saya pegang jawatan penting di peringkat negeri dan kawasan, kadang-kadang kalau ada yang tak dapat hadir, peringkat cawangan pun saya tolong ganti mereka. Jadi kalau usrah tu memang kerap la saya hadir. Seminggu kadang dua kali hadir usrah sebab ada komitmen jawatan jugak. Kadang bertembung jugak dengan program lain. Tapi saya pilih yang paling utama (Marlina, 6 September 2017).

Menurut informan ini, komitmen terhadap jawatan memerlukan beliau untuk menghadiri usrah di pelbagai peringkat. Bagi memastikan kelangsungan usrah, beliau memutuskan untuk menghadiri usrah yang paling utama.

PENERIMAAN MUSLIMAT TERHADAP USRAH

Usrah yang diadakan perlu mengikut kurikulum rasmi yang telah ditetapkan oleh Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat. Lajnah ini telah membahagikan usrah kepada tiga peringkat iaitu peringkat *ta'rif* (pengenalan), *takwin* (pembentukan) dan *tanfiz* (pelaksanaan). Ketiga-tiga peringkat ini mempunyai sebuah silibus khusus sebagai panduan untuk melaksanakan usrah dengan lebih tersusun, sistematik dan berkesan (Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, 2015). Usrah yang dilaksanakan di peringkat kawasan adalah berpanduan kepada tahap pertama. Tahap pertama ialah tahap *ta'rif* yang bertujuan untuk memperkenalkan tasawur Islam secara lengkap dan menyeluruh untuk dihayati

sebagai satu cara hidup. Pada tahap ini, manhaj akan dibahagikan mengikut tahap pendidikan dan pengalaman ahli usrah. Tahap pertama mempunyai dua peringkat, iaitu Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'rif 1 dan Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'rif 2. Pada tahap pertama ini, penyertaan melibatkan ahli jawatankuasa kerja PAS Cawangan dan ahli-ahli serta penyokong parti yang belum pernah mendapat mana-mana pengisian *Tarbiyah Harakiyah* (Lajnah Tarbiyah & Perkaderan PAS Pusat, 2015). Meskipun Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat menetapkan tahap pertama khusus kepada ahli-ahli baru yang belum mengenal asas-asas tentang tarbiyah tetapi pengkaji mendapati bahawa manhaj usrah ini turut digunakan dalam usrah di peringkat kawasan.

Menerusi Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'arif 1, perbelajaran dalam kumpulan usrah dimulakan dengan memberikan kefahaman terhadap konsep usrah, adab-adab dan pelaksanaan usrah, konsep akidah, konsep tauhid dan konsep syahadah (Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, 2006). Kefahaman terhadap konsep-konsep ini menyebabkan *mutarabbiah* mampu mengamalkan Islam sebagai satu cara hidup yang lengkap. Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'arif 2 pula mengandungi lapan tajuk utama iaitu rukun Iman memandu cara manusia berfikir, Islam dan ideologi manusia, jahiliyyah antara dahulu dan kini, konsep ibadah dalam Islam, akhlak dalam Islam, rumah tangga Muslim, hijab dalam Islam dan wanita bekerjaya menurut Islam (Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat, 2009). Secara keseluruhannya, Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'arif 1 dan Manhaj Usrah PAS Peringkat Ta'arif 2 menekankan pemeraksanaan akidah dan ibadah yang dicerminkan melalui pelaksanaan Islam dalam kehidupan. Oleh itu, pengukuhan kedua-dua manhaj usrah dalam kalangan ahli adalah penting bagi membolehkan Islam diamalkan dalam kehidupan. Kefahaman terhadap Islam yang jelas juga diharapkan dapat membina ketaatan yang tinggi terhadap Tuhan yang Esa, sekaligus, ahli akan bertindak mentaati barisan kepimpinan PAS.

Namun demikian, pengkaji mendapati topik-topik yang diajarkan mendorong *mutarabbiah* untuk bersikap tegas dan kasar terhadap individu yang mempunyai interpretasi liberal terhadap Islam. Sebagai contoh, *mutarabbiah* akan diingatkan untuk memakai pakaian dan mengamalkan tingkah laku berlandaskan Islam semasa membincangkan topik ibadah. Pemakaian dan cara hidup berpandukan Barat ditolak sepenuhnya. Mereka juga diingatkan agar memakai tudung labuh dan mengelak pergaulan secara bebas dengan lelaki di tempat-tempat tertutup seperti kelas, panggung wayang dan lain-lain. Topik akhlak (moral) pula merangkumi perkara-perkara yang lebih luas seperti sikap terhadap umat Islam yang lain, jujur semasa bekerja dan lain-lain. Sebagai contoh, *mutarabbiah* sering diingatkan supaya berhati-hati semasa memilih sahabat. Mereka sering diingatkan supaya tidak menjadikan Muslim dan bukan Muslim yang dilihat menyimpang atau cenderung memusuhi Islam sebagai teman rapat. Persepsi ini telah

mendorong rasa curiga terhadap ahli yang cenderung mempunyai pemikiran liberal. *Murabbiah* sering mengingatkan bahawa pemikiran liberal yang bermaksud pelaksanaan Islam yang longgar dan bebas adalah sebahagian daripada agenda musuh yang ingin menghancurkan Islam. Interpretasi pemikiran liberal tentang Islam juga sering dikaitkan dengan konsep *ghazwul fikri*.

Penerimaan Muslimat Terhadap Konsep *Ghazwul Fikri*

Konsep *ghazwul fikri* (perang pemikiran atau perang ideologi) tidak diajarkan secara langsung terhadap *mutarabbiah* pada peringkat permulaan tetapi temu bual dengan majoriti pemimpin PAS mendapati idea *ghazwul fikri* dilihat memainkan peranan penting dalam membentuk pemikiran seluruh ahli usrah Muslimat daripada tahap pengenalan sehingga tahap yang lebih tinggi. Seorang *Murabbiah* berpendapat bahawa musuh-musuh Islam mendapati adalah mudah untuk mencemarkan kepercayaan umat Islam dengan membawa masuk budaya Barat. Sebagai contoh, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, pemakaian yang singkat dan ketat supaya kelihatan lebih bergaya, konsert artis Hollywood, hedonism, budaya homoseksual dan transgender dan lain-lain. Beliau menyatakan bahawa:

Bila umat Islam menerima budaya Barat, itu menunjukkan umat Islam telah dikalahkan oleh Barat secara tidak langsung. Dulu orang Barat tak dapat kalahkan orang Islam melalui perang, contohnya perang salib. Sekarang umat Islam diserang melalui pemikiran atau perang saraf (Ustazah An-Nisa, 14 Oktober 2017).

Seorang *murabbiah* di peringkat PAS Pusat berpendapat peperangan antara umat Islam dengan kumpulan yang memusuhi manusia memang tidak terelak. Beliau berpendapat:

Akan ada sekumpulan orang yang cuba memadamkan cahaya dari agama Allah dan menghalang-halangi manusia daripada menuju ke jalan Nya (Ustazah Wahibah Tahir, 5 September 2017).

Pengkaji mendapati kebanyakan *murabbiah* berpendapat pertentangan ideologi antara Islam dan tamadun Barat sering dikaitkan dengan perang saraf, malahan, peperangan antara umat Islam dengan bukan Islam dan pengikut-pengikutnya tidak dapat dielakkan.

Pengkaji juga mendapati persepsi bahawa wujudnya konspirasi golongan bukan Islam semakin meluas dalam kalangan Muslimat yang menetap di Pulau Pinang. *Murabbiah* menyatakan mubaligh Kristian sering memasuki Pulau Pinang untuk menyebarkan agama. Sebagai contoh, penyebaran kitab Bible kepada pelajar di

sekolah Bukit Mertajam oleh sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan pameran buku keagamaan di atas kapal Logos Hope turut dikaitkan dengan agenda kristianisasi terhadap penduduk tempatan yang membahayakan akidah Muslim. Kerajaan negeri yang diketuai oleh DAP sering dipersalahkan kerana enggan mengambil tindakan terhadap kumpulan ini. *Mutarabbiah* diingatkan agar berwaspada dengan penganut beragama lain sehingga menimbulkan rasa curiga terhadap golongan bukan Muslim.

Dakwaan ini turut disokong oleh seorang *mutarabbiah* yang merupakan anak jati negeri Pulau Pinang. Beliau turut menjelaskan kedudukan Penang Institute sebagai pusat pengubal dasar yang diberi dana oleh kerajaan negeri telah menggalakkan penyebaran ideologi liberal. Beliau menegaskan bahawa walaupun Dewan Pemuda PAS (DPP) mengusulkan agar pusat ini dihapuskan, tetapi ditolak oleh kerajaan negeri. Sekali gus, mengukuhkan gambaran negatif *mutarabbiah* terhadap DAP yang ingin mengancam akidah Muslim.

Tempat ini pusat penternakan ideologi liberal. Banyak program untuk menyesatkan orang Islam. Pemuda pernah buat bantahan hentikan ceramah yang mempertahankan hak LGBT yang menghina Islam. Tapi, pusat ini, kerajaan negeri punya, susah sikit (Emy, 16 Mac 2017).

Seorang *mutarabbiah* lain pula berpendapat bahawa beliau telah terbiasa bergaul dan bekerja dengan rakan-rakan daripada berlainan bangsa semasa menetap di negeri Selangor. Selepas berhenti kerja kerana mengikuti suami yang bertugas di Pulau Pinang, timbul rasa takut dan terancam dalam memelihara akidah sebagai Muslim. Meskipun beliau telah mengikuti usrah sejak di UiTM, perasaan ini tidak wujud sebelumnya dan menjadi ketara selepas menyertai usrah di Pulau Pinang.

Akak kerja bank 18 tahun. Masa di sana akak selalu je keluar makan dengan kawan-kawan Cina. Dorang selalu tanya akak pasal tudung, kenapa orang Islam kena pakai tudung? Akak pun selalu tanya dorang pasal agama dorang. Tapi bila datang Pulau Pinang ni boleh rasa ye, rasa macam terancam dan takut bila keluar tengok orang Cina ramai. Rasa terancam, takut tu makin kuat bila kat sini. Dulu tak (Asiah, 8 Mac 2017).

Beliau menjelaskan bilangan penduduk Cina yang ramai di Pulau Pinang sering memberi gambaran dalam fikiran bahawa wujudnya gerakan penyebaran agama selain daripada Islam yang mengancam akidah Muslim.

Rasa takut dan terancam ini menyebabkan Muslimat bersatu untuk membina kekuatan. Oleh itu, walaupun PAS berkerjasama dengan DAP dan PKR dalam Pakatan Rakyat (PR) yang membuka ruang kepada PAS untuk terlibat dalam mentadbir negeri Pulau Pinang selepas pilihan raya tahun 2008, kerjasama ini sering menimbulkan konflik terhadap kedua-dua pihak. Keadaan menjadi lebih parah apabila konflik yang berlaku semasa menjalankan kerjasama disebarkan dalam usrah. Seorang *murabbiah* memaklumkan bahawa Setiausaha PAS Pulau Pinang Mohd Fadzil Kemi yang menjawat jawatan sebagai Pegawai Penerangan dalam kerajaan negeri telah dipecat. Wakil PAS yang lain seperti Mohd Nasir selaku ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) turut disekat daripada bersuara dalam mesyuarat kerajaan negeri yang menyebabkan beliau hilang kebebasan bersuara. Beliau bertindak meletakkan jawatan selepas Dewan Ulama PAS menamatkan kerjasama dengan DAP. Bagi Muslimat, sekatan dan pemecatan wakil PAS dalam kerajaan negeri telah menimbulkan kebencian terhadap DAP, malahan, memberi gambaran bahawa wujud usaha untuk menyingkirkan perjuangan dan menghapuskan Islam di Pulau Pinang oleh golongan bukan Muslim yang mendominasi DAP.

Pengkaji juga mendapati wujud persepsi dan sikap prejudis dalam kalangan ahli yang membawa kepada perseteruan dan perpuakan dalam PAS. Hasil temu bual pengkaji mendapati usrah menjadi medium indoktrinasi penting dalam menyeragamkan pola pemikiran ahli-ahlinya. Kegagalan Muslimat mengikuti usrah boleh menyebabkan mereka terpengaruh dengan ideologi liberal, sekular dan sebagainya. Seorang *murabbiah* mengakui bahawa perpecahan yang pernah berlaku dalam PAS disebabkan sekumpulan ahli yang dipengaruhi oleh pemikiran liberal. Kumpulan ini mempunyai pemikiran tersendiri dan sering menentang keputusan yang dibuat oleh Presiden. Sebagai contoh, mereka mendesak agenda penubuhan negara Islam dan hukum hudud diketepikan demi menghormati kerjasama dengan Pakatan Rakyat (PR). Tindakan ini dilihat sebagai usaha untuk menolak kepimpinan Islam dan memisahkan agama daripada politik seperti yang diperjuangkan oleh Barat dan pemikiran liberal. Mereka juga dikatakan berusaha membawa masuk ideologi liberal ke dalam parti untuk menarik lebih ramai pengikut dan menguasai parti. Sekiranya mereka tidak dapat menguasai parti, mereka akan merosakkan parti yang memperjuangkan pelaksanaan Islam. Menurut seorang *murabbiah*:

Mereka yang keluar tu sebab dia tidak ikut usrah. Satu pola pemikiran dia sendiri, satu lagi memang nawaitu (niat) tu masuk nak merosakkan. Yang tu *level* pimpinan la. Mereka ikut usrah JIM. Depa ada ideologi nak meliberalkan PAS. Dia masuk memang tujuan nak memecahbelahkan dan kuasai PAS (Ustazah An-Nisa, 14 Oktober 2017).

Berdasarkan temu bual ini, pengkaji difahamkan bahawa kewujudan pengaruh pemikiran liberal telah menyusup masuk dalam PAS sejak sekian lama. Kewujudan konflik dalam parti berpunca daripada ahli yang tidak mengikuti usrah yang diadakan PAS secara konsisten, malah, mereka mengikuti usrah daripada gerakan Islam lain sebelum menyertai PAS. Sebagai contoh, mereka telah menyertai usrah daripada Jamaah Islah Malaysia (JIM) atau Pertubuhan IKRAM semasa menyambung pengajian di dalam atau luar negara. Dalam kata lain, mereka tidak mempunyai *fikrah* yang menyokong perjuangan PAS sejak daripada awal lagi. Golongan ini juga gemar mengadakan program-program politik bagi meraih sokongan rakyat. Meskipun PAS merupakan sebuah parti politik, tetapi kekerapan mengadakan program politik menyebabkan pertembungan dengan program tarbiyah. Apabila berlaku pertembungan, program tarbiyah sering diabaikan sehingga menimbulkan dilema dan rungutan daripada Musimat yang ingin menghadiri usrah tetapi terikat dengan program politik kerana telah dilantik sebagai ahli jawatankuasa program tersebut. Pengabaian terhadap usrah menyebabkan arahan daripada pimpinan parti tidak difahami, ahli menjadi keliru lalu *fikrah* Islam yang jelas gagal dilahirkan dan ketaatan terhadap parti merosot. Oleh itu, pimpinan PAS berpendapat bahawa kumpulan ini adalah merbahaya terhadap kelangsungan perjuangan kerana kecenderungan untuk memperluaskan pengaruh pemikiran liberal dalam parti. Bagi seorang *murabbi*:

Dasar Islam boleh bergerak mestilah diangkat pemimpin yang mempunyai *fikrah* yang jelas. Jangan kita kata *fikrah* yang masuk dengan liberal dia, plural dia. Jadi rosak Islam kita. Jadi memang kita nampak yang keluar tu, G18 tu kita kata semua *fikrah-fikrah* yang rosak (Ustaz Idris Ahmad, 8 September 2017).

Murabbi berpendapat bahawa untuk mewujudkan pemikiran Islam yang jelas dalam kalangan *mutarabbiah* perlu bermula dengan memastikan semua ketua usrah mempunyai pola pemikiran yang jelas dan selaras dengan dasar PAS. Beliau menekankan bahawa pelantikan ketua yang berwibawa penting untuk membolehkan usrah yang berkualiti dihasilkan.

Pengkaji mendapati pengaruh ideologi liberal sering dikaitkan dengan Presiden PKR iaitu Anwar Ibrahim. Terdapat sebilangan daripada ahli yang mempunyai hubungan baik dan menjalinkan kerjasama yang erat dengan beliau. Kerjasama dan hubungan baik ini tidak disenangi oleh sebilangan besar pemimpin pro-ulamak. Mereka menganggap kumpulan yang menyokong Anwar ialah kumpulan yang menyokong pemikiran liberal dan mengutamakan aktiviti-aktiviti politik untuk menguasai negara. Kumpulan ini dilihat menolak kepimpinan ulamak dan pelaksanaan Islam yang menjadi matlamat utama PAS sejak ditubuhkan. *Murabbi* berpendapat bahawa pengaruh *ghazwul fikri* dalam kalangan ahli-ahli PAS adalah ketara:

Pengaruh liberal tu kuat. Mereka tolak hukum Islam sebab terpengaruh dengan ideologi liberal dan sekular daripada Barat. Bila masuk PAS, mereka terpengaruh dengan Anwar Ibrahim. Dia duduk dalam PAS tapi dia ikut Anwar bukan Tok Guru (Ustaz Idris Ahmad, 8 September 2017).

Beliau menjelaskan bahawa kumpulan ini menolak hukum Islam apabila berterusan meminta matlamat untuk menubuhkan negara dan *syariah* Islam tidak dibincangkan dan dilaksanakan dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai masyarakat berbilang kaum. Gesaan agar matlamat ini diketepikan memberi isyarat bahawa mereka menolak *syariah*.

Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati pengaruh *ghazwul fikri* lebih ketara menguasai pemikiran *murabbi-murabbiah* dan berjaya dipindahkan kepada *mutarabbiah*. Pengaruh pemikiran ini dipindahkan daripada mereka yang mengetuai usrah di peringkat pusat, negeri, kawasan dan cawangan kepada *mutarabbiah* di peringkat yang lebih rendah. Indoktrinasi pemikiran menjadi gagal apabila mereka tidak mengikuti usrah. Bagi menghadapi pengaruh *ghazwul fikri* yang melanda umat Islam, maka, pemerkasaan akidah adalah sangat penting.

Penerimaan Muslimat Terhadap Akidah

Topik akidah paling banyak diajar dalam usrah terutamanya pada peringkat *ta'arif* (permulaan). Selepas Muktamar Tahunan 2015 di Kuala Selangor, Presiden Abdul Hadi Awang mengarahkan agar aspek akidah kembali diperkasakan pada semua peringkat usrah bagi menangani pengaruh *ghazwul fikri*. Menurut Presiden PAS, akidah bermaksud kepercayaan yang tersimpul kukuh, teguh dan tenteram dalam jiwa sehingga tidak mungkin terurai mengikut suasana dan keadaan. Akidah merupakan kepercayaan asas dalam membentuk persepsi Muslim terhadap konsep Ketuhanan. Akidah juga memperjelaskan prinsip Tuhan yang Esa sebagai Tauhid (Tuhan yang satu) dan membezakan umat Islam dengan bukan Islam seperti Kristian, Yahudi, Buddha, dan Hindu. *Murabbiah* menyatakan:

Mula-mula sekali dalam usrah kita akan cakap perkara paling asas dan penting untuk memperkukuhkan akidah ahli. Perbincangan topik *Tauhid* dan *Syahadah* penting untuk diajar, dan ditekankan (Ustazah Nuridah Salleh, 4 September 2017).

Hasil daripada pemerkasaan akidah dalam usrah menyebabkan *mutarabbiah* percaya bahawa akidah yang jelas perlu merujuk kepada pentafsiran yang dibuat oleh generasi awal umat Islam. Muslimat percaya bahawa pentafsiran al-Quran

yang dibuat pada era ini adalah paling berwibawa, dan mereka menganggap generasi umat Islam terdahulu sebagai paling komited terhadap Islam. Konsep akidah turut digunakan oleh kebanyakan gerakan kebangkitan Islam. Mereka berusaha menyucikan akidah dengan membersihkannya daripada perkara-perkara yang dianggap tidak Islamik.

Akidah turut dikaitkan dengan politik apabila *mutarabbiah* sering diingatkan agar memiliki akidah jelas dalam diri dan memilih pemimpin yang mempunyai akidah jelas. Pemilihan pemimpin Muslim yang alim adalah penting bagi membolehkan *syariah* dilaksanakan dalam ruang awam. Sekiranya pemimpin bukan Muslim dipilih, kerajaan tidak dapat melaksanakan *syariah* dan dasar kerajaan mudah dipengaruhi oleh Barat. Seorang *murabbi* menjelaskan bahawa akidah sangat penting semasa memilih pemimpin dalam pilihan raya. Hal ini kerana PAS berusaha menghubungkan kesolehan individu dengan politik selaras dengan matlamat untuk meluaskan agama pada tahap individu kepada ruang awam. *Mutarabbiah* juga digesa mengelak daripada mengundi bukan Muslim dan Muslim yang mempunyai akidah yang longgar sebagai pemimpin semasa pilihan raya. Selain itu, *mutarabbiah* juga perlu dilatih untuk memiliki akidah yang jelas. Akidah yang longgar menyebabkan pendirian terhadap Islam khususnya *syariah* berubah-ubah lalu gagal dilaksanakan. *Murabbi* menyatakan:

Kita tolak DAP yang menolak Islam dan cuba pisahkan agama dengan politik. Kita juga tolak pemimpin PAS yang terpengaruh dengan DAP dan Anwar (Ustaz Idris Ahmad, 8 September 2017).

Berdasarkan temu bual ini, akidah penting semasa memilih pemimpin bagi mencegah kemungkaran dan membentuk pendirian *mutarabbiah* semasa mengundi dalam pilihan raya. Tanpa kekuatan akidah yang membentuk pendirian dalam politik, maka, *mutarabbiah* tidak akan mengundi PAS secara konsisten.

Kita tanamkan dalam diri ahli kefahaman, baru tak keliru. Kadang-kadang parlimen pangkah PAS, DUN pangkah BN atau PH, kerana dia tak faham. Kena perkenalkan akidah Islam tu dulu. Boleh paham tu dulu baru lepas tu senang. Kita didik ahli kita, tarbiyah ahli kita memahami akidah (Ustaz Idris Ahmad, 8 September 2017).

Berdasarkan temu bual ini, pengkaji mendapati pemeraksanaan akidah adalah penting untuk memastikan Muslimat tidak keliru semasa mengundi dalam pilihan raya. Pembinaan akidah yang jelas membolehkan pemimpin Muslim yang alim dipilih dan *syariah* dilaksanakan dalam kerajaan, sekali gus, membina pendirian politik Muslimat dan menyingkirkan ideologi *ghazwul fikri*.

KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan mengupas penglibatan Muslimat dalam aktiviti usrah dan kesan-kesannya terhadap pemikiran mereka. Hasil kajian mendapati usrah memainkan peranan penting terhadap pemikiran politik dan menarak hidup Muslimat. Penglibatan mereka dalam usrah menyebabkan hubungan persahabatan dan kekeluargaan yang dibina berjaya mewujudkan perpaduan dan kesetiaan yang tinggi terhadap kumpulan usrah. Rasa terikat dengan kumpulan ini menyebabkan mereka menghadirinya secara konsisten. Hasilnya, mereka konsisten mentaati arahan dan kepimpinan parti yang disampaikan melalui usrah. Usrah yang dihadiri Muslimat berkesan dalam memindahkan perspektif rasmi pemimpin-pemimpin parti, meningkatkan pengetahuan agama dan membina identiti politik mereka. Usrah berjaya membentuk kesolehan, ketaatan, dan komitmen dalam diri *mutarabbiah* terhadap parti. Usrah yang mengandungi pengaruh *ghazwul fikri* dan politik menyebabkan *mutarabbiah* merasa terancam sehingga meningkatkan keinginan *mutarabbiah* untuk mengikuti usrah demi memperkuatkan akidah. Pengaruh *ghazwul fikri* menyebabkan Muslimat di Pulau Pinang merasa takut apabila berdepan dengan majoriti penduduk bukan Melayu Muslim dan kerajaan negeri yang diperintah oleh DAP-PKR lalu berusaha membina kekuatan dengan mengikuti usrah.

Selain daripada pengaruh *ghazwul fikri*, *mutarabbiah* mengikuti usrah untuk memperbaiki agama dan kesolehan dalam diri. Usrah yang menekankan perspektif dan amalan agama telah melahirkan akidah yang kukuh lalu membentuk identiti politik. Akidah yang semakin kukuh menyebabkan *mutarabbiah* semakin memahami matlamat yang diperjuangkan parti. Kesolehan dalam diri *mutarabbiah* telah memberi kefahaman dan mendorong mereka untuk memilih pemimpin-pemimpin yang alim sahaja untuk mengetuai parti. Pada masa yang sama, mereka juga hanya mengundi pemimpin-pemimpin yang beragama Islam lalu menolak pemimpin bukan Islam semasa pilihan raya. Pemimpin-pemimpin yang beragama Islam tetapi mempunyai akidah yang longgar akan ditolak. Hal ini kerana pemimpin bukan beragama Islam dan mempunyai akidah yang longgar dibimbangi terpengaruh dengan *ghazwul fikri* lalu menyebabkan *syariah* Islam gagal dilaksanakan dalam ruang awam. Kefahaman ini membuktikan bahawa indoktrinasi yang dijalankan melalui usrah berjaya menyebabkan *mutarabbiah* merasa usrah penting. Sekali gus, memperlihatkan usrah berjaya menyeragamkan pemikiran dan mengekalkan ketaatan ahli terhadap kepimpinan parti yang mempunyai akidah Islam yang jelas.

NOTA

1. Nusaibah ialah sebuah Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang ditubuhkan pada 11 Januari 2010 dengan fokus utamanya ialah kebajikan, kemanusiaan dan kemasyarakatan. Ahli-ahlinya terdiri daripada wanita muda yang berumur 15 hingga 40 tahun. Aktiviti-aktiviti yang diadakan terdiri daripada usrah, Nisa' Small Kindness, Purple Hijab Day dan I Love School (Dewan Muslimat PAS Malaysia, 2017). Menerusi aktiviti-aktiviti ini, Nusaibah berjaya menarik kehadiran lebih ramai orang awam dan mendorong mereka untuk menjadi ahli PAS.

RUJUKAN

- Ammerman, N. T. (2007). *Everyday religion: Observing modern religious lives*. Oxford University Press.
- Ammerman, N. T. (2014). Paul Hanly Furfey lecture 2013: Finding religion in everyday life. *Sociology of Religion*, 75(2), 189–207.
- Berglund, J. (2014). An ethnographic eye on religion in everyday life. *British Journal of Religious Education*, 36(1), 39–52. <https://doi.org/10.1080/01416200.2013.820167>
- Dewan Muslimat PAS Malaysia. (2017). *Koleksi kertas kerja Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan sesi 2017/2019*. Dewan Muslimat PAS Malaysia.
- Dewan Ulamak PAS Pusat. (2009). *25 tahun kepimpinan ulamak dalam PAS* (M. S. Embong (ed.)). Nufair Street Sdn Bhd.
- Farish, A. N. (2003). Blood, sweat and jihad: The radicalization of the political discourse of the Pan-Malaysian Islamic Party (PAS) from 1982 onwards. *Contemporary Southeast Asia*, 25(2), 200–232. <https://doi.org/10.1355/CS25-2B>
- Farish, A. N. (2004). *Islam embedded: The historical development of the Pan-Malaysian Islamic Party PAS (1951-2003) (Volume II)*. Malaysian Sociological Research Institute.
- Farish, A. N. (2014). *The Malaysian Islamic Party PAS 1951-2013: Islamism in mottled nation*. Amsterdam University Press.
- Hunt, S. (2014). Ordinary lives and grand schemes: An anthropology of everyday religion. *Journal of Contemporary Religion*, 29(1), 158–160.
- Idris, A. (2014). *Panduan usrah: Usrah tonggak gerakan Islam*. Sekretariat Pejabat Ahli Parlimen Bukit Gantang.
- Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat. (2006). *Manhaj usrah PAS peringkat ta'arif 1*. Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat.
- Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat. (2009). *Manhaj usrah PAS peringkat ta'arif 2* (Edisi Baru). Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat.
- Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat. (2015). *Nizam tarbiyah PAS: Buku panduan manhaj tarbiyah PAS*. Lajnah Tarbiyah dan Perkaderan PAS Pusat.
- Mahmood, S. (2005). *Politics of piety: The Islamic revival and the feminist subject*. Princeton University Press.
- McGuire, M. B. (2008). *Lived religion: Faith and practice in everyday life*. Oxford University Press. <https://doi.org/10.1017/CBO9781107415324.004>

- Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS). (2011). *Perlembagaan Parti Islam Se-Malaysia (PAS) (Pindaan 2011)*. Pejabat Agung PAS Pusat.
- Riduan, M. N. (2015). *Pengaruh Ikhwanul Muslimin terhadap gerakan Islam di Malaysia*. Jundi Resources.
- Schielke, S., & Debevec, L. (2012). *Ordinary lives and grand schemes: An anthropology of everyday religion*. Berghahn Books EASA.
- Shiozaki, Y. (2015). The ulama network as conveyor of Islamic world trends: Connecting Malaysian politics to the Muslim ummah through the Islamic Party of Malaysia (PAS). In K. Miichi & O. Farouk (Eds.), *Southeast Asian Muslims in the Era of Globalization* (pp. 86–105). Palgrave Macmillan. <https://doi.org/10.1057/9781137436818>
- Snow, D. A., Zurcher, L. A., & Ekland-Olson, S. (1980). Social Networks and Social Movements: A Microstructural Approach to Differential Recruitment. *American Sociological Review*, 45(5), 787–801.
- Wiktorowicz, Q. (2001). *The Management of Islamic Activism: Salafis, the Muslim Brotherhood, and State Power in Jordan*. State University of New York.
- Zaireeni, A. (2020). PAS: Permuafakatan politik sebagai tapak integrasi dan peranan wanita. *Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies (JEBAT)*, 47(3), 428–462.